

## PEMBANGUNAN MODUL PENGAJARAN MATEMATIK UNTUK PELAJAR INSTITUSI TAHFIZ: ANALISIS KEPERLUAN GURU

Nurhidayah Ab Karim<sup>1</sup> & Effandi Zakaria<sup>2</sup>

<sup>12</sup>Jabatan Pendidikan Matematik, Fakulti Pendidikan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
hidayahabkarim@gmail.com

### ABSTRAK

Matematik ialah antara subjek yang telah ditawarkan oleh sebahagian institusi tahfiz di Malaysia. Hari demi hari, kelemahan dalam pelaksanaannya telah dikesan dan menjadi kebimbangan kepada ibu bapa serta semua pihak yang terlibat. Justeru itu, kajian ini bertujuan melakukan analisis keperluan guru terhadap pengajaran matematik di institusi tahfiz. Analisis keperluan ini antaranya bertujuan untuk menentukan kesediaan, masalah dan keperluan guru dalam melaksanakan pengajaran matematik di institusi tahfiz. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Data kajian dikumpul menggunakan kaedah temu bual yang melibatkan 3 orang guru yang mengajar matematik di 3 buah madrasah tahfiz. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesediaan guru dalam pengetahuan matematik adalah mencukupi. Namun demikian, guru memerlukan satu modul yang lebih tersusun mengkhususkan topik-topik asas yang penting dalam kehidupan seharian seperti tambah, tolak, darab, bahagi, pecahan, peratus, perimeter dan luas, algebra dan persamaan linear. Pengetahuan asas murid, kesukaran murid memahami topik dalam matematik dan kebimbangan guru terhadap silibus adalah masalah yang dikenalpasti dihadapi oleh guru. Justeru itu, keperluan dalam mewujudkan modul ini diharapkan dapat membantu guru dalam mengatasi masalah pelajar yang lemah menguasai topik-topik asas dalam matematik serta memudahkan guru untuk menyusun silibus mengikut masa yang secukupnya.

**Kata kunci:** *Pengajaran Matematik, Modul, Analisis Keperluan Guru, Institusi Tahfiz*

### ABSTRACT

*Mathematics is one of the subjects offered by some of Tahfiz institutions in Malaysia. Nowadays, the weakness on its implementation has been detected and parents was worried about it. This study aims to analyze the needs of teachers towards mathematical teaching in the institutions of tahfiz. The purpose of this analysis is to determine the readiness, problems and needs of teachers in implementing mathematical teaching in the institutions of tahfiz. This study uses a qualitative approach with case study design. The data were collected using an interview method. It involve 3 teachers who taught mathematics at 3 madrasah tahfiz. The findings show that the readiness of teachers in mathematical knowledge is sufficient. However, teachers need a more structured module that specializes in essential topics in everyday life such as addition, subtraction, multiplication, division, fraction, percentage, perimeter and area, algebra and linear equations. The basic knowledge of the students, the difficulty of students understanding the topics in mathematics and teachers' concerns over syllabus is the problem faced by teachers. Hence, the need for creating this module is expected to help teachersto overcome the problem of weak student to master the basic topics in mathematics and facilitate teachers to organize the syllabus according to the sufficient time.*

**Keywords:** *Mathematics Teaching, Module, Analysis, Needs, Teachers, Tahfiz Institutions*

## PENGENALAN DAN LITERATUR

Pada masa sekarang, pusat pengajian tahfiz tumbuh bagaikan cendawan selepas hujan. Semua institusi tahfiz ini menawarkan sistem pendidikan yang tersendiri dengan kurikulum yang pelbagai. Setiap penubuhan institusi tahfiz tersebut mempunyai matlamat yang berbeza-beza mengikut aliran pemikiran pengasas institusi pengajian tersebut. Ada yang bermatlamatkan untuk melahirkan seorang ulama yang huffaz atau profesional yang huffaz atau gabungan kedua-duanya. Ada juga pihak yang cuba mengumpulkan semua kekuatan kurikulum yang ada dengan cara menghimpunkannya dalam satu pakej kurikulum yang sangat padat. Semua perkembangan ini memberi implikasi yang besar kepada pelajar yang mengikutinya (Nawi & Salleh, 2017).

Matematik adalah salah satu subjek teras akademik yang ditawarkan oleh kebanyakan institusi tahfiz di Malaysia (Nawi, Yusuff, Yaacob, & Salleh, 2014). Subjek-subjek akademik seperti matematik ini ditawarkan bagi memenuhi beberapa ciri utama iaitu membina potensi pelajar secara seimbang, bersepadu dan menyeluruh, inovatif dan kreatif, mengambil kira tuntutan dan perkembangan semasa serta berpaksikan prinsip tauhid (Nawi & Salleh, 2017). Tujuan utama pengajaran dan pembelajaran (PdP) Matematik adalah untuk membolehkan murid memahami idea dalam bahasa matematik dan mengenal pasti kegunaan matematik yang telah dipelajari untuk digunakan dalam kehidupan seharian (Hussin Z, 2014).

Institusi tahfiz yang berkualiti seharusnya memenuhi beberapa ciri utama iaitu membina potensi pelajar secara seimbang, bersepadu dan menyeluruh, inovatif dan kreatif, mengambil kira tuntutan dan perkembangan semasa serta berpaksikan prinsip tauhid (Nawi & Salleh, 2017).

Masyarakat terlalu ghairah untuk melahirkan generasi baharu yang mampu menghimpunkan semua elemen terbaik telah menyebabkan institusi pengajian tahfiz menjadi satu pusat pendidikan yang sangat membebankan. Pelajar diasak dan disumbat dengan pelbagai perkara yang dianggap semuanya penting. Sikap tergesa-gesa dan mahukan kejayaan dalam tempoh masa yang singkat akan merugikan potensi sebenar para pelajar. Sistem pendidikan yang tergopoh gapah mengejar semua perkara dalam satu masa dilihat tidak bijaksana dan tidak akan melahirkan generasi yang menghayati makna ilmu, memupuk sikap mencari kebenaran serta bersikap jujur kepada diri sendiri dan orang lain (Nawi & Salleh, 2017).

Para pendidik wajar bermuhasabah semula untuk menentukan apa sebenarnya yang perlu dicari oleh pelajar bagi mendepani masa hadapan mereka yang sangat kompleks dan mencabar. Sistem pengajian tahfiz seharusnya menyediakan satu suasana pendidikan yang membolehkan para pelajar dilatih supaya berfikir secara tenang, kritis dan kreatif terhadap sesuatu perkara. Pelajar juga perlu dididik agar menggunakan kedua-dua kekuatan iaitu akal dan hatinya untuk meneliti perkara secara mendalam menurut kerangka pandangan alam Islam. Masih banyak ruang pelaksanaan pengajian tahfiz yang boleh diperbaiki dan ditambah baik meliputi kurikulum, pengajaran dan pembelajaran, penilaian dan pentaksiran dan lain-lain lagi (Nawi & Salleh, 2017).

Cabaran terkini dan akan datang mendorong pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk menyemak dan mengkaji semula kurikulum yang dilaksanakan dalam institusi pendidikan tahfiz seperti modul kurikulum matapelajaran matematik. Penyemakan semula ini perlu dilakukan bagi memastikan kurikulum yang digunakan dapat memenuhi keperluan negara yang memerlukan tenaga kerja yang berpengetahuan, mahir dan berfikirah (Huraian Sukatan Pelajaran Matematik Tingkatan 1, 2017).

Penggunaan modul yang bersesuaian dalam pengajaran dan pembelajaran matematik mampu membantu guru melaksanakan tugas pengajaran dengan lebih baik dan membantu mengurangkan rasa tekanan pelajar dengan kehendak kurikulum yang di pelajari (Abdullah, Ghazali, & Ali, 2017). Dalam usaha membantu para pendidik untuk mengajar matematik dengan lebih baik di institusi tahfiz, kajian yang dikemukakan ini adalah untuk menganalisis keperluan guru terhadap modul pengajaran matematik di institusi tahfiz. Kajian analisis keperluan ini dilakukan untuk membantu pengkaji dalam proses membangunkan modul pengajaran matematik di institusi tahfiz. Kajian ini diharapkan dapat menjadi pencetus pembaharuan dalam memperbaiki kurikulum di institusi tahfiz ke arah yang lebih baik terutamanya dalam kurikulum pendidikan matematik.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Masyarakat kini memerlukan para huffaz yang seimbang dan sepadu, berupaya menghubungkan ilmu naqli dan aqli, peka dengan permasalahan ummat dan mampu menawarkan jalan penyelesaian secara Islami (Nawi & Salleh, 2017). Bagi mencapai maksud tersebut, cabaran untuk membina sistem pengajian dan kurikulum institusi tahfiz yang sedemikian adalah memerlukan kerjasama daripada banyak pihak. Menurut Nawi dan Salleh (2017), umat Islam tiada pilihan lain dan perlu untuk mengusahakannya bersama. Walau bagaimanapun, usaha-usaha yang telah dilakukan di sebahagian institusi pengajian tahfiz dianggap membebankan pelajar. Mereka menawarkan kurikulum yang sangat membebankan meliputi aspek hafazan al-Quran, akademik, pengajian agama dan bahasa Arab. Rentetannya, ramai pelajar tidak dapat menghabiskan hafalan al-Quran mengikut masa yang ditetapkan. Pernyataan ini selaras dengan dapatan kajian Jemali, M. dan Sadadi (2003) yang merekodkan ramai pelajar institusi tahfiz di Malaysia tidak dapat menamatkan hafazan al-Quran mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh pihak institusi.

Amat kurang kajian yang berkaitan modul pengajaran dan pembelajaran Matematik di institusi tahfiz. Kajian tentang model dan kurikulum akademik tahfiz lebih banyak dibincangkan berbanding kurikulum akademik yang dikhususkan kepada pendidikan matematik (Nawi & Salleh, 2017). Menurutnya, masih banyak ruang pelaksanaan pengajian tahfiz yang boleh diperbaiki dan ditambah baik meliputi kurikulum, pengajaran dan pembelajaran, penilaian dan pentaksiran dan lain-lain lagi.

Aspek lain yang wujud dalam permasalahan proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan matematik di institusi tahfiz boleh dikenalpasti dengan melaksanakan analisis keperluan guru. Analisis keperluan perlu dilakukan untuk meninjau pelaksanaan kurikulum pendidikan matematik di institusi tahfiz. Oleh sebab itu dengan adanya bukti empirikal daripada analisis keperluan yang dilakukan, masalah pengajaran dan pembelajaran matematik di institusi tahfiz dapat dibincangkan dengan lebih baik. Seterusnya dapat menyumbang kepada penghasilan modul pengajaran matematik yang lebih berkesan.

Berdasarkan permasalahan yang dibangkitkan di atas, satu analisis keperluan guru dalam pengajaran matematik di institusi tahfiz perlu dilaksanakan terlebih dahulu untuk memahami keadaan semasa dari perspektif guru (Hassan et al., 2017). Dengan ini satu tinjauan analisis keperluan guru telah dijalankan di 3 buah madrasah tahfiz yang melibatkan 3 orang guru matematik. Maklumat daripada tinjauan ini akan digunakan sebagai salah satu input konkrit bagi mereka bentuk sebuah modul pengajaran dan pembelajaran pendidikan matematik untuk pelajar di institusi tahfiz

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Mengenal pasti kesediaan dan keperluan guru di dalam pengajaran matematik di institusi Tahfiz. Mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh guru-guru di dalam proses pengajaran matematik kepada pelajar di insttusi tahfiz.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dan reka bentuk kajian kes melalui temubual berstruktur secara individu dengan guru-guru matematik yang terlibat sebagai responden. Mereka terdiri daripada 3 orang guru dari 3 buah madrasah tahfiz di Melaka. Pemilihan sampel dilakukan secara sampel bertujuan (Purposive Sampling) kerana terdapat sedikit sahaja madrasah tahfiz di negeri Melaka yang menawarkan subjek matematik kepada pelajar. Kajian ini melibatkan guru yang mengajar matematik di madrasah tahfiz dengan tujuan untuk mendapatkan maklumat kesediaan, masalah dan keperluan guru dalam pengajaran matematik di madrasah. Soalan temubual berstruktur dibina adalah berasaskan objektif kajian dan protokol temubual telah disahkan oleh pakar. Data temu bual dianalisis menggunakan perisian Nvivo 11 untuk menghasilkan tema-tema bagi memenuhi keperluan dalam objektif kajian.

## **PERBINCANGAN**

### Kesediaan

Berdasarkan dapatan kajian, guru yang mengajar matematik di institusi tahfiz bersedia untuk melaksanakan pengajaran kepada pelajar dari segi pelaksanaan dan ilmu pengetahuan. Namun demikian, terdapat guru yang mengalami kesukaran dalam melaksanakan pengintegrasian ilmu matematik dengan nilai-nilai Islam.

### Kesediaan Pelaksanaan.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa semua responden bersedia mengajar matematik di institusi tahfiz seperti mana dinyatakan oleh TB CM\_NAZ\_R1 “ ... saya bersedia dan sangat bersemangat mengajarkan anak-anak didik tahfiz mengenal nombor dan kepentingan matematik dalam kehidupan mereka...”. Kesediaan yang sama juga ditunjukkan oleh TB CM\_ATI\_R2 “ ...Saya sentiasa bersedia memberikan ilmu yang bermanfaat kepada pelajar tahfiz ini...”. Kesediaan responden yang ketiga juga sama namun berbeza. Responden ketiga TB CM\_MAL\_R3 menjawab “...Saya bersedia mengajarkan mereka ilmu matematik tetapi saya mengalami kesukaran dalam mengintegrasikan ilmu yang ada dengan nilai-nilai Islam...”

### Kesediaan Pengetahuan.

Pengetahuan merupakan aspek penting dalam pengajaran dan pembelajaran matematik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa semua responden mempunyai pengetahuan dalam bidang matematik. Seperti mana dinyatakan oleh TB CM\_NAZ\_R1 “...saya memperolehi ijazah sarjana muda dalam pendidikan matematik...”. Kesediaan yang sama dalam pengetahuan juga ditunjukkan oleh TB CM\_ATI\_R2 dan TB CM\_MAL\_R3 “...saya merupakan graduan sarjana muda matematik dan berpengalaman menjadi tutor di pusat-pusat tuisyen...” dan “...Saya mempunyai pusat tuisyen sendiri dan berpengalaman mengendalikan kursus dan motivasi yang melibatkan pelajaran matematik...”.

Berdasarkan dapatan kajian daripada aspek kesediaan pengetahuan, guru yang mengajar matematik di institusi tahfiz bersedia untuk melaksanakan pengajaran kepada pelajar. Namun demikian, mereka mempunyai kebimbangan terhadap pelajar yang terbeban dengan subjek matematik serta sukar memahami topik-topik yang diajarkan.

### Masalah

Kajian ini telah mengenalpasti beberapa masalah yang dihadapi oleh guru dalam pelaksanaan pengajaran matematik di institusi tahfiz. Antaranya ialah guru tidak dapat menghabiskan silibus matematik yang dikehendaki kerana kekurangan masa. Masa yang diberikan kepada pelajar untuk mempelajari matematik sangat terhad kerana banyak waktu telah diperuntukkan untuk menghafaz AlQuran. Selain itu, hasil temu bual juga menunjukkan kurangnya kepelbagaian strategi digunakan dalam pengajaran Matematik di institusi tahfiz. Sebahagian besar pelaksanaan guru adalah terhad kepada teknik penerangan berdasarkan buku teks dan latihan pengukuhan yang diambil daripada buku teks. Dapatan tentang masalah guru yang dinyatakan ini adalah selari dengan pendapat yang telah dinyatakan oleh Nawawi & Salleh (2017) dalam kajiannya yang menyatakan bahawa masih banyak ruang pelaksanaan pengajaran tahfiz yang boleh diperbaiki dan ditambah baik meliputi kurikulum, pengajaran dan pembelajaran, penilaian dan pentaksiran dan lain-lain lagi.

Masalah yang dihadapi oleh guru perlu diberi perhatian untuk memastikan pengajaran matematik ini berjalan dengan lancar dan berjaya. Dapatan kajian mendapati bahawa guru tidak dapat menghabiskan silibus matematik yang dikehendaki kerana masa yang diperuntukkan adalah tidak mencukupi dan tidak sesuai. Ia telah dinyatakan oleh TB CM\_NAZ\_R1 “...saya

hanya dapat mengajar mereka pada hujung minggu sahaja, hari yang lain mereka fokus untuk menghafaz AlQuran...”. Terdapat guru yang mengeluh kerana masa pengajarannya diganggu. Menurut TB\_CM\_MAL\_R3 “... masa yang diperuntukkan adalah pada hujung minggu, tetapi kadangkala pada hari tersebut para pelajar akan menghadiri jemputan kenduri dan program masyarakat luar. Saya mengalami masalah untuk melaksanakan pengajaran yang telah dirancang dan tiada pula masa ganti yang diberikan...”. Selain itu, terdapat guru yang mengadu tentang masalah masa yang diberikan tidak sesuai untuk pengajaran matematik di dalam kelas. Menurut TB\_CM\_ATI\_R2 “...pengurusan madrasah hanya memberikan saya 2 jam tanpa rehat dalam satu hari semingu untuk mengajarkan matematik. Ianya mendorong murid cepat bosan dan banyak pengajaran tidak dapat dilaksanakan...”.

Sementara itu, terdapat guru yang menyatakan tentang kesukaran murid untuk memahami pelajaran matematik kerana mempunyai perbezaan latarbelakang pendidikan sebelum masuk ke institusi tahfiz. Menurut TB\_CM\_NAZ\_R1 “...Masalahnya, apabila saya mengajar, terdapat sebahagian pelajar yang tidak tahu dan ada sebahagian pelajar yang sudah tahu...” tambah beliau lagi “...ada yang dah ambil UPSR, ada yang tak ambil...” dan TB\_CM\_MAL\_R3 juga merasai kesukaran dalam mengajarkan matematik kepada pelajar tahfiz “...saya mengalami kesukaran dalam menyeimbangi pelajar-pelajar yang berbeza latarbelakang pendidikan, sehingga tidak tahu apa yang ingin diajar terlebih dahulu...”. Terdapat guru yang berpendapat bahawa pelajaranya tiada masalah dalam pelajaran matematik dan mempunyai pengetahuan asas tetapi kebanyakan daripada mereka sudah lupa. Menurut TB\_CM\_ATI\_R2 “...saya dapat mengenalpasti pelajar menguasai topik asas dalam matematik kerana mereka kesemuanya telah menduduki UPSR dan disatukan dalam satu kelas tetapi mereka lupa kerana tidak diberikan latihan yang secukupnya...”.

Hasil temu bual mendapati, pelajar yang sukar memahami topik-topik dalam matematik adalah mereka yang tidak mempunyai asas matematik di sekolah rendah yang baik. Ianya selari dengan kajian yang dilakukan oleh Sabri, et al., (2006), bahawa matapelajaran Matematik kadangkala merupakan satu mata pelajaran yang sukar bagi sebilangan pelajar. Apa yang jelas, mereka sangat lemah dari segi kefahaman tentang konsep-konsep utama dalam matematik. Maka tanpa kefahaman yang jelas, terhadap konsep dan kemahiran asas yang telah dipelajari pada peringkat awal akan mengakibatkan proses pembelajaran yang seterusnya menjadi lebih sukar.

### Keperluan

Keperluan guru perlu diambil kira dalam merancang tindakan seterusnya untuk peningkatan pengajaran matematik di institusi tahfiz. Dapatan kajian mendapati bahawa antara keperluan guru dalam pengajaran dan pembelajaran matematik di institusi tahfiz ini ialah susunan modul yang terancang. Dalam hal ini terdapat guru yang mencadangkan pihak institusi tahfiz menyediakan silibus matematik yang bersesuaian dengan pelajar. Ia telah dinyatakan oleh TB\_CM\_NAZ\_R1 “....Setakat ni saya hanya menggunakan silibus yang diambil daripada buku teks sebagai silibus utama dalam pengajaran. Silibus yang terdapat dalam buku teks menyukarkan saya untuk menghabiskannya pada waktu yang ditetapkan...” Terdapat juga responden yang menyatakan bahawa topik-topik yang diajarkan daripada silibus buku, sukar untuk difahami oleh pelajar dan mereka tidak minat untuk belajar matematik. Ia telah dinyatakan oleh TB\_CM\_MAL\_R3 “....Saya sukar untuk menggambarkan kepentingan sesuatu topik kepada pelajar kerana tiada panduan yang sesuai untuk menerangkannya secara ilmiah mengikut persekitaran kehidupan yang dilalui oleh mereka. Ia membuatkan pelajar tidak mahu dan tidak minat untuk belajar matematik...”.



Menurut TB CM\_NAZ\_RI "...pelajar saya perlu mahir konsep asas dahulu. Seperti tambah, tolak, darab dan bahagi..." tambahnya lagi "...konsep tersebut boleh digunakan dalam peratus, pecahan, perimeter dan luas. Manakala ada responden yang ingin menekankan pengetahuan algebra dan persamaan linear kepada pelajar tahfiz, TB CM\_ATI\_R2 "...topik yang sangat perlu diajarkan adalah algebra dan linear. Topik ini membantu mereka memahami masalah dan menyelesaikan masalah dalam kehidupan..."

Dapatan kajian juga mendapati bahawa modul adalah antara keperluan guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran matematik di institusi tahfiz. Ini dapat dilihat dalam kenyataan TB CM\_NAZ\_R1 "...Saya rasa yang paling penting ialah modul. Modul akan memberi panduan kepada guru dengan lebih jelas apa yang mereka perlu buat dan memberi kefahaman tentang silibus yang dikehendaki dengan lebih jelas..." dan tambah beliau lagi "...ia dapat mengurangkan bebanan pelajar dan memberikan fokus yang lebih kepada menghafaz AlQuran...". Keperluan modul juga ditimbulkan oleh TB CM\_ATI\_R2 "...saya rasa modul perlu. Belum ada lagi modul khusus di institusi tahfiz. Sekurang-kurangnya modul dapat membantu guru dalam pengajarannya...". Sementara itu, TB CM\_MAL\_R3 juga menyatakan bahawa modul yang bersesuaian dan menepati minat pelajar adalah menjadi satu keperluan dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam matematik di institusi tahfiz. "...saya memerlukan satu modul yang dapat membantu pelajar saya minat untuk belajar dan faham pengajaran dalam matematik..."

Hasil temu bual mendapati guru memerlukan satu modul yang boleh dijadikan sebagai panduan dalam memberi kefahaman yang lebih jelas tentang kepentingan matematik kepada pelajar institusi tahfiz khususnya dalam topik-topik asas seperti tambah, tolak, darab, bahagi, pecahan, peratus, perimeter dan luas, algebra dan persamaan linear. Selain itu, ia dapat meningkatkan keyakinan guru untuk melaksanakan pengajaran matematik dan sehasrusnya ia tidak membebani pelajar. Dapatan ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Abdullah, Ghazali & Ali (2017), bahawa penggunaan modul yang bersesuaian dalam pengajaran dan pembelajaran matematik mampu membantu guru melaksanakan tugas pengajaran dengan lebih baik dan membantu mengurangkan rasa tekanan pelajar dengan kehendak kurikulum yang di pelajari (Abdullah et al., 2017).

## **KESIMPULAN**

Kajian ini merupakan satu kajian analisis keperluan yang berfokus kepada guru dan terhad kepada guru matematik di Institusi Tahfiz yang terpilih di negeri Melaka. Namun demikian, dapatan yang diperolehi dapat memberi input tentang kesediaan, masalah dan keperluan guru dalam pengajaran matematik. Dapatan yang diperolehi dapat memberi gambaran dan saranan kepada peningkatan dan penambahbaikan pelaksanaan pengajaran matematik di institusi tahfiz. Dalam usaha membantu para pendidik untuk mengajar matematik dengan lebih baik di institusi tahfiz, dapatan kajian ini dapat membantu pengkaji dalam usaha untuk membangunkan modul pengajaran matematik di institusi tahfiz. Modul Matematik untuk pelajar tahfiz ini berperanan membantu guru dalam mengatasi masalah yang dialami sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran matematik berlangsung. Berdasarkan analisis keperluan yang dikenalpasti akan dimasukkan ke dalam modul ini dan diharapkan mampu untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh guru di institusi tahfiz. Kajian ini diharapkan dapat menjadi pencetus pembaharuan dalam memperbaiki kurikulum di institusi tahfiz ke arah yang lebih baik terutamanya dalam kurikulum pendidikan matematik.



## RUJUKAN

- Abdullah, S. H. S., Ghazali, F. M., & Ali, K. J. M. (2017). MODUL PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TEMATIK UNTUK MENANGANI MASALAH PEMBELAJARAN MURID-MURID TERCICIR DI SEKOLAH BIMBINGAN JALINAN
- KASIH. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 5(1), 7-18.
- Hassan, M. N., Mustapha, R., Yusuff, N. A. N., & Mansor, R. (2017). Pembangunan Modul Kemahiran Berfikir Aras Tinggi di dalam Mata Pelajaran Sains Sekolah Rendah: Analisis Keperluan Guru. *Sains Humanika*, 9(1-5).
- Hussin, Z. (2014). *Komunikasi Dalam Penyelesaian Masalah Matematik Dalam Kalangan Murid Tingkatan Empat*. Universiti Sains Malaysia.
- Jemali, M., & Sadadi, A. (2003). Hubungan Antara Kaedah Menghafaz Al-Quran Dengan Pencapaian Kursus Tahfiz Wa Al-Qiraat Elajar Semester Empat Dan Lima Di Maahad Tahfiz Wal Quraat Di Perak. In *Kertaskerja Seminar Kaedah Pengajaran Tahfiz al-Quran Peringkat Kebangsaan*. Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Nawi, N. H. M., & Salleh, N. H. (2017). PEMBINAAN MODEL PENGAJIAN TAHFIZ DI MALAYSIA. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, 5(1), 1-11.
- Nawi, N. H. M., Yusuff, N. A., Yaacob, M. B. C., & Salleh, N. H. (2014). Matlamat dan halatuju sistem pengajian tahfiz di Kelantan: satu pengamatan awal.
- Sabri Ahmad, Tengku Zawawi, Aziz Omar. (2006). Isu-isu dalam pendidikan matematik. Kuala Lumpur: *Utusan*
- Zulnaidi, H., Zakaria, P., & Effandi, M. D. (2013). *Pembangunan dan keberkesanan modul pengajaran geogebra ke atas pengetahuan konseptual dan prosedural matematik fungsi dan had fungsi*. Universiti Kebangsaan Malaysia.